

PERATURAN PERTANDINGAN TARIK TALI

PERATURAN TEKNIKAL

- 1.0 Semua pertandingan hendaklah mengikut undang-undang Pertandingan **Persatuan Tarik Tali Malaysia** dan Undang-Undang & Peraturan Am, **Karnival Sukan UPSI (KIESTA) 2017**.
- 1.1 Tarikan pendek akan digunakan (2 meter)
 - 1.1.1 Sebelum tarikan diperlukan, cara menentukan tempat ialah dengan melambung syiling. Selepas tarikan pertama, pasukan akan bertukar tempat. Jika tarikan ketiga diperlukan, keadaan tempat pasukan juga akan ditentukan dengan melambung syiling.
- 1.2 Setiap peserta diwajibkan menjalani timbangan berat badan.
- 1.3 Timbangan akan dibuat sehari sebelum pertandingan berlangsung.

PERATURAN PERTANDINGAN

- 2.0 Setiap pasukan yang mestilah mengisi borang penyertaan yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan;
- 2.1 Setiap kontinjen dibenarkan mendaftar satu pasukan sahaja yang terdiri daripada 12 (8 penarik + 2 simpanan) orang pemain dengan jumlah berat maksima sebanyak 680 kg. (8 pemain)
- 2.2 Pertandingan dijalankan secara liga pada pusingan kumpulan seterusnya secara kalah mati di peringkat suku akhir, separuh akhir dan akhir.
- 2.3 Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftar tidak lebih dari 10 orang pemain, seorang pengurus pasukan dan seorang jurulatih;
- 2.4 Hanya 8 orang sahaja dibenarkan mengambil bahagian semasa pertandingan dijalankan, 2 peserta akan menjadi simpanan;
- 2.5 Setelah pendaftaran pemain dibuat sebarang perubahan atau pertukaran pemain hanya dibenarkan semula sebelum perlawanan pertama;
- 2.6 Hanya pemain yang telah didaftarkan sahaja dibenarkan mengambil bahagian;
- 2.7 Jawatankuasa pertandingan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan harta benda, kecederaan atau kemalangan yang mengambil bahagian sepanjang kejohanan ini diadakan
- 2.8 Semua perlawanan peringkat awal akan dijalankan secara liga atau pusingan dalam dua kumpulan. Johan dan naib johan kumpulan akan bertanding di peringkat separuh akhir.
 - 2.8.1 Mata kemenangan adalah seperti berikut:-

Menang Straight Set	-	3 mata
Kalah Straight Set	-	0 mata
Menang Rubber Set	-	2 mata
Kalah Rubber Set	-	1 mata

- 2.9 Pemenang bagi setiap pusingan akan ditentukan dari 3 tarikan yang terbaik;
- 2.10 Jika seri selepas 2 tarikan, pasukan dibenarkan berehat selama 5 minit sebelum tarikan ketiga dimulakan;
- 2.11 Pasukan yang mendapat mata terbanyak dikira menang;
- 2.12 Jika terdapat lebih daripada 1 pasukan yang mendapat jumlah mata yang sama, satu tarikan ulangan (sebanyak satu tarikan) akan dijalankan untuk menentukan pemenang.
- 2.13 Jawatankuasa pertandingan berhak mengubah atau menengguhkan sesuatu perlawanan yang ditetapkan jika perlu dan pasukan yang terbabit akan diberitahu
- 2.14 Setiap pasukan yang bermain dikehendaki berada di gelanggang 15 minit sebelum masa perlawanan bermula dan sekiranya pasukan berkenaan lewat sampai 15 minit dari masa perlawanannya, maka pengadil rasmi perlawanan berhak memberi kemenangan percuma kepada lawannya.
- 2.15 Pengadil akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjur;
- 2.16 Segala keputusan pengadil perlawanan adalah muktamad
- 2.17 Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi Perkara 15 dalam Undang-Undang dan Peraturan Am, Karnival Sukan UPSI (KIESTA) 2016.

Ringkasan Penyertaan

Pemain	Pemain Simpanan	Pengurus / Jurulatih Pasukan	Jumlah
8	2	1	11

3.0 KELEWATAN

- 3.1 Rujuk perkara 4.3 syarat khusus

4.0 MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

- 4.1 Rujuk Peraturan Am Perkara 14.0

5.0 BANTAHAN DAN RAYUAN

- 5.1 Rujuk Peraturan Am Perkara 15.0